

04/11/1998

Saintis tempatan sedia sahut cabaran

KUALA LUMPUR, Selasa - Sektor penyelidikan tempatan bertekad untuk memastikan saintis tempatan berupaya memenangi hadiah Nobel sebelum 2020 sebagai menyahut cabaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (Porim), Datuk Dr Yusof Basiron, berkata institusi itu memang terus berusaha membuat penemuan teknologi baru dan penciptaan inovasi canggih.

"Malah, pada peringkat jabatan sendiri, Porim sering mengemukakan cabaran kepada pakar sains supaya mengetengahkan pelbagai ciptaan serta kaedah baru dalam penyelidikan membabitkan minyak kelapa sawit.

"Pada masa yang sama, pergantungan terhadap kepakaran asing di Porim pula dikekalkan pada tahap antara dua hingga tiga peratus, iaitu dihadkan kepada beberapa bidang tertentu saja.

"Meskipun untuk memenangi hadiah Nobel bukan mudah kerana terpaksa menyelidik sesuatu aspek sains sehingga ke akar umbinya, ia tidak mustahil dilakukan pakar tempatan," katanya ketika dihubungi hari ini.

Semalam, Dr Mahathir meminta golongan saintifik tempatan mencipta teknologi dan inovasi kejuruteraan sendiri bagi mengurangkan kos teknologi import, sekali gus membantu mempercepatkan proses pemulihan ekonomi.

Menurutnya, royalti yang dibayar oleh negara untuk teknologi import setiap tahun adalah tinggi dan menyebabkan pengaliran keluar ringgit dapat dielakkan jika pakar tempatan berkebolehan mencipta penemuan baru.

Timbalan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (Frim), Dr Wan Razali Wan Mohd pula menyifatkan cabaran Dr Mahathir kena pada masanya bagi membakar semangat pakar sains negara mempelopori penemuan teknologi baru.

(END)